

QIRĀ'ĀT IMAM AL-SHĀFI'Ī DAN KESANNYA TERHADAP PENAFSIRAN AYAT-AYAT HUKUM: KAJIAN PADA AYAT 282 SURAH AL-BAQARAH

*Hajah Siti Jariah @ Hajah Aleya Fatehah Haji Japar,¹
Cecep Soleh Kurniawan² & Rohana Zakaria³*

Abstrak

Imam al-Shāfi'ī merupakan seorang ilmuan yang bukan sahaja memiliki kepakaran dalam bidang fiqh, uṣūl al-fiqh, ḥadīth dan tafsir, bahkan beliau juga memiliki pengetahuan yang sangat luas dalam bidang qirā'āt. Kepakaran beliau dalam bidang qirā'āt dapat dilihat secara jelas melalui pendapat-pendapat beliau terhadap ayat-ayat hukum. Walau bagaimanapun, setakat yang diketahui belum banyak kajian yang menumpukan penyelidikan terhadap ayat-ayat hukum berdasarkan qirā'āt al-Qur'ān Imam al-Shāfi'ī. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk menyingkap kesan qirā'āt Imam al-Shāfi'ī terhadap hukum mencatat hutang. Data kajian ini dikumpulkan dengan menggunakan metod dokumentasi dari kitab-kitab muktabar dalam mazhab al-Shāfi'ī kemudian diproses menggunakan metode kualitatif mengikut tema-tema khusus berdasarkan ilmu qirā'āt dan dikemukakan secara deskriptif. Hasil kajian mendapati bahawa walaupun berlaku perbezaan bacaan di antara para imam Qur'ān dalam ayat berkaitan hukum mencatat hutang, namun ia tidak memberi implikasi kepada hukum yang berbeza. Ini adalah kerana

¹ Pensyarah, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali. Email: aleya.japar@unissa.edu.bn.

² Pensyarah, Fakulti Syariah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali. Email: soleh.kurniawan@unissa.edu.bn.

³ Pensyarah, Universiti Islam Selangor. Email: rohana@uis.edu.my.

tawjih qirā'āt tersebut menunjukkan kepada maksud yang sama, walaupun diungkapkan dalam uslūb yang berbeza. Kajian turut mendapati bahawa dari aspek pengistinbatan hukum mencatat hutang menurut Mazhab al-Shāfi'ī adalah bertepatan dengan qirā'āt al-Qur'ān yang dipilih oleh Imam al-Shāfi'ī iaitu qirā'āt Ibn Kathīr yang menggalakkan pihak-pihak yang hendak melakukan transaksi secara tidak tunai agar membuat catatan, mengadakan saksi atau barang jaminan.

Kata kunci: Imam al-Shāfi'ī, Qirā'āt Ibn Kathīr, Mencatat Hutang

THE INFLUENCE OF IMAM AL-SHĀFI'Ī'S QIRĀ'ĀT ON THE INTERPRETATION OF LEGAL VERSES: A STUDY OF VERSE 282 IN SURAH AL-BAQARAH

Abstract

Imam al-Shāfi'ī was not only an expert in fiqh, ussūl al-fiqh, ḥadīth, and tafsir but also had extensive knowledge in the field of qirā'āt. Despite his expertise, there have been few studies on researching the legal verses based on the qirā'āt chosen by the Madhhab's imams. Therefore, this study aims to examine the effect of his qirā'āt on the law of recording debts. Data were collected from definitive books in the Shāfi'ī Madhhab using the documentation method and analyzed qualitatively based on specific themes from the science of qirā'āt. The results showed that although there are differences in reading among the Qurrā' Imams regarding the verse related to recording debts, these differences do not affect the laws. This is because tawjih of qirā'āt points to the same meaning, even though it is expressed in different uslūb. Furthermore, the study found that the legal aspect of

recording debts according to the Madhhab of al-Shāfi'ī coincides with the qirā'āt al-Qur'ān chosen by Imam al-Shāfi'ī, specifically the qirā'āt Ibn Kathīr, which encourages parties to make non-cash transactions to record, hold witnesses or collateral.

Keywords: *Imam al-Shāfi'ī, Qirā'āt Ibn Kathīr, Debt Recording*

PENDAHULUAN

Al-Qur'ān merupakan kalam Allāh yang diwahyukan kepada Nabī Muḥammad *ṣallallāhu 'alayhi wasallam* melalui Jibrīl *'alayhissalām*, ia diturunkan dengan tujuh *ḥuruf* dan disampaikan kepada umat Islam melalui jalan periwayatan yang *mutawātir*. Penurunan al-Qur'ān dengan tujuh *ḥuruf* telah mencetuskan pelbagai pendapat dalam kalangan para 'ulama. Walau bagaimanapun, para 'ulama mencapai kesepakatan bahawa maksud tujuh *ḥuruf* tersebut tidak ada kaitan langsung dengan *qirā'āt* tujuh yang dinisbahkan kepada tujuh orang imam yang masyhur dalam bidang *qirā'āt*. Ibn al-Jazarī berkata: “Tidak boleh dikatakan yang dimaksudkan tujuh *ḥuruf* adalah tujuh *qirā'āt* yang telah masyhur itu, walaupun sebahagian orang menyangka demikian. Ini adalah kerana para imam yang tujuh itu belum pun lahir pada zaman penurunan al-Qur'ān.” (Ibn al-Jazarī, 1345H). Kenyataan tersebut cukup jelas menunjukkan bahawa tujuh *ḥuruf* bukanlah bermaksud tujuh *qirā'āt* yang masyhur tersebut. Pemilihan tujuh *qirā'āt* tersebut adalah menurut pada pendapat Tujuh Imam *Qurrā'* yang paling baik dari berbagai *qirā'āt* yang diriwayatkan daripada Rasūlullāh *ṣallallāhu 'alayhi wasallam* melalui para ṣaḥābat

Baginda, kemudian mereka konsisten membaca dan mengajarkannya kepada anak-anak murid mereka sehingga *qirā'āt* tersebut dinisbahkan ke atas nama mereka. Sebagai contoh, *qirā'āt* Nāfi' iaitu *qirā'āt* yang dinisbahkan ke atas Imam Nāfi dan *qirā'āt* Ibn Kathīr iaitu *qirā'āt* yang dinisbahkan ke atas Imam 'Abd Allāh bin Kathīr.

Artikel ini akan menumpukan kajian terhadap *qirā'āt* para imam *qurrā'* yang menjadi pilihan Imam al-Shāfi'ī dalam berijtihad. Ini adalah kerana ilmu *qirā'āt* dipercayai telah memberi sumbangan dan peranan yang besar dalam pembinaan hukum fiqh para imam mazhab (Al-Ja'bari, 2020).

Ilmu *qirā'āt* bukan sahaja berkisar tentang ilmu yang membicarakan tentang kaedah atau tatacara melafazkan kalimah-kalimah al-Qur'ān. Bahkan ia juga mempunyai hubungan ataupun pengaruh dalam bidang-bidang ilmu yang lain seperti tafsir, aqidah, fiqh dan lughah (Sabri, 2016). Begitu juga 'ulama-'ulama terdahulu meletakkan *qirā'āt* setanding dengan ilmu-ilmu yang lain kerana menyedari peranannya yang sangat besar sebagai salah satu mekanisme untuk memahami dan mentafsirkan makna kalimah-kalimah al-Qur'ān. Wajah-wajah *qirā'āt* memberikan pelbagai makna dan menghasilkan pelbagai hukum (Ibn al-Jazarī, 1345H). Ini juga menjadi satu indikasi bahawa adalah sangat penting bagi seorang mufassir dan mujtahid menguasai ilmu *qirā'āt*.

Selain itu, kehebatan ilmu ini juga dapat dilihat melalui pengiktirafan para 'ulama khususnya imam-imam mazhab terhadap keilmuan dan ketokohan para *qurrā'* yang telah meriwayatkan *qirā'āt* sejak dari zaman Rasūlullāh

ṣallallāhu ‘alayhi wasallam lagi. Imam Abū Ḥanīfah, Sufyān al-Thawrī dan Yahyā bin Ādam pernah memberi kata-kata pujian kepada Imam Ḥamzah dengan berkata: “Ḥamzah telah mengatasi para ‘ulama yang lain dalam bidang al-Qur’ān dan Farā’id (Ibn al-Bādhish, 1403H). Ḥamzah merupakan salah seorang tokoh *qirā’āt* yang disegani di Kūfah. Begitu juga Imam Mālik pernah memberikan kata-kata pujian kepada Nāfi‘. Sa‘īd bin Maṣṣūr berkata: “Aku pernah mendengar Mālik bin Anas berkata: “*Qirā’āt* penduduk Madinah adalah Sunnah.” Ada orang bertanya: “Adakah yang dimaksudkan *qirā’āt* Nāfi‘? Beliau menjawab: Ya” (‘Abd al-Fattāh al-Qāḍī, 2002). Imam al-Shāfi‘ī berkata: “*Qirā’āt* kami ialah *qirā’āt* Ibn Kathīr dan aku mendapati *qirā’āt* Ibn Kathīr merupakan *qirā’āt* penduduk Makkah. Sesiapa yang menghendaki kesempurnaan hendaklah dia membaca dengan *qirā’āt* Ibn Kathīr dan sesiapa yang menghendaki sunnah maka bacalah dengan *qirā’āt* Nāfi‘ (Al-Hudhalī, 2007).

Pengiktirafan para imam mazhab terhadap ketokohan para *qurrā’* telah mendorong mereka memilih *qirā’āt* salah seorang imam *qurrā’* sebagai pegangan dalam pembacaan al-Qur’ān. Pada lazimnya pemilihan *qirā’āt* tersebut adalah berdasarkan kemashuran sesebuah *qirā’āt* di tempat mereka menetap, membesar dan menuntut ilmu. Sebagai contoh, *qirā’āt* ‘Āṣim yang dipilih oleh Imam Abū Ḥanīfah (Nabīl, 2000). ‘Āṣim merupakan salah seorang tokoh yang terkenal dalam bidang *qirā’āt* di Kūfah (Al-Dhabābī, 1995). Kūfah merupakan tempat di mana Imam Abū Ḥanīfah dilahirkan dan dibesarkan. Masjid Kūfah merupakan tempat di mana beliau mengikuti pengajian yang diselenggarakan oleh para ‘ulama Kūfah pada ketika itu sehinggalah beliau dilantik

menjadi guru yang menggantikan gurunya yang telah wafat (Al-Dhahabī, 1995).

Seterusnya *qirā'āt* Nāfi' dipilih oleh Imam Mālik (Ibn Bādhis, 1403 H). Pemilihan *qirā'āt* Nāfi' tersebut adalah berkaitan dengan kedudukan Imam Mālik sebagai seorang faqīh yang menetap di Madīnah, tempat yang sama *qirā'āt* Nāfi' mula dikenali, dipelajari dan berkembang ('Abd al-Rahman, 2000). Sementara Imam al-Shāfi'ī pula memilih *qirā'āt* Ibn Kathīr (Al-Hudhalī, 2007). Ibn Kathīr sangat dikenali sebagai seorang tokoh besar dalam bidang ilmu *qirā'āt* di kota Mekah (Abū Zur'ah, 2001). Pemilihan *qirā'āt* Ibn Kathīr adalah bertepatan dengan tempat di mana beliau mula mengikuti pengajian al-Qur'ān. Sebagaimana yang direkodkan oleh al-Rāzī dalam Manāqib al-Imām al-Shāfi'ī bahawa Imam al-Shāfi'ī mula belajar di kota Makkah ketika umur beliau sepuluh tahun. Ḥarmalah dalam satu riwāyat menceritakan bahawa Imam al-Shāfi'ī pernah membacakan al-Qur'ān kepada kaum muslimin di Masjid al-Ḥaram ketika beliau berumur tiga belas tahun (Al-Rāzī, 2015). Menurut Imam Aḥmad bin Ḥanbal, *qirā'āt* Abū 'Amrū lebih beliau sukai kerana ia merupakan *qirā'āt* orang-orang Quraysh dan *qirā'āt* orang-orang Fāsiḥ (Abū Shāmah, t.t).

Oleh itu, kajian ini berlatar belakangkan persoalan sejauhmana *qirā'āt* Imam al-Shāfi'ī yang membaca dengan *qirā'āt* Ibn Kathīr menjadi asas utama dalam pengistinbatan hukum dalam mazhab beliau? Apakah Imam al-Shāfi'ī akan mengambil kira juga *qirā'āt-qirā'āt* mutawātir yang lain dalam pengeluaran hukum. Berdasarkan kepada dapatan awal kajian, Imam al-Shāfi'ī telah memilih *qirā'āt* Ibn Kathīr iaitu ketika membincangkan tentang penyebutan kalimah al-Qur'ān dengan al-Qurān. Sebagaimana yang

telah dinukilkan oleh al-Razī bahawa Imam al-Shāfi'ī bersetuju dengan pendapat gurunya Ismā'īl bin Qisṭanḥīn bahawa al-Qur'ān adalah sebuah nama, al-Qur'ān tidak diambil dari kata dasar “qara'tu” kerana menurut guru beliau jika diambil dari kata dasar tersebut bererti setiap apa yang dibaca akan dinamakan dengan al-Qur'ān. Sedangkan al-Qur'ān adalah sebuah nama sebagaimana Injīl dan Tawrāt” (Al-Rāzī, 2015).

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi yang digunakan dalam mengumpul data kajian adalah dengan menggunakan metod dokumentasi melalui kitab-kitab muktabar di perpustakaan. Data diproses secara kualitatif mengikut tema-tema khusus berdasarkan ilmu *qirā'āt* dan dikemukakan secara deskriptif.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Definisi *Qirā'āt*

Dari sudut etimologi, perkataan *qirā'āt* merupakan jama' dari *qirā'ah* yang berasal dari kata dasar *qara'a*, melalui kata dasar tersebut lahir kata al-Qur'ān dan *al-Qirā'āh* (Al-Fayrūz Ābādī, t.t). Kedua-dua kata tersebut mempunyai dua makna iaitu yang pertama: *al-Jam'u wa al-Dhammu* (menghimpun dan menggabungkan) iaitu menghimpun dan menggabungkan kisah-kisah, hukum-hakam, ayat-ayat serta surah-surah. Kedua: *al-Tilāwah* (membaca) iaitu mengucapkan kalimat-kalimat yang tertulis. *Tilāwah* disebut juga *qirā'ah* kerana suara-suara huruf digabungkan menjadi

satu dalam fikiran untuk membentuk kalimat-kalimat yang akan diucapkan (Abū al-Ḥasan, 1994).

Dari sudut terminologi pula, para 'ulama berbeza pandangan dalam mendefinisikan maksud *qirā'āt*. Menurut Ibn al-Jazarī, *qirā'āt* merupakan sebuah disiplin ilmu yang membincangkan mengenai kaedah atau tatacara melafazkan kalimah-kalimah al-Qur'ān dan perbezaan lafaz kalimah tersebut dinisbahkan ke atas orang yang meriwayatkan. Ibn al-Jazarī juga menerangkan maksud al-muqri' iaitu orang yang mahir tentang *qirā'āt* dan meriwayatkannya kepada orang lain secara lisan (Ibn al-Jazarī, 1980). Melalui penjelasan ini, kita dapat fahami bahawa *qirā'āt* adalah sesuatu ilmu yang diriwayatkan dan disampaikan melalui talaqqī mushāfahah.

Menurut Al-Zarkashī dalam al-Burhān menjelaskan pengertian *qirā'āt* ialah perbezaan beberapa lafaz wahyu al-Qur'ān dalam penulisan huruf atau dalam kaedah melafazkan, baik secara *takhfīf* (membaca tanpa sabdu), *tathqīl* (membaca dengan sabdu) dan sebagainya (Al-Zarkashī, 2001). Sementara al-Zarqānī pula berpendapat *qirā'āt* ialah satu mazhab yang dipilih oleh salah seorang imam *qurrā'* yang mempunyai persamaan dan perbezaan antara satu sama lain, sama ada persamaan dari segi riwāyah⁴ dan ṭarīq⁵ atau perbezaan dari segi pembacaan dan

⁴ Riwāyah bermaksud setiap bacaan *qirā'āt* yang dinisbahkan kepada perawi yang mengambil bacaan *qirā'āt* daripada imam-imam *qurrā'*. Contohnya Bazzī perawi kepada Imam Ibn Kathīr dan Ḥafṣ perawi kepada Imam 'Āṣim. Lihat: 'Alī Muḥammad al-Dībā'. (1999). *al-Idā'ah fī Bayān 'Usūl al-Qirā'āh*. Peny. Muḥammad Khalaf al-Ḥusaynī. Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah Li al-Turāth. H.5.

⁵ Ṭarīq bermaksud setiap bacaan *qirā'āt* yang dinisbahkan kepada murid daripada seseorang perawi. Contohnya *qirā'āt* ṭarīq Abū

keadaannya (Al-Zarqānī, 2003). Menurut al-Qaṣṭalānī, *qirā'āt* adalah satu ilmu yang membincangkan mengenai perkara-perkara yang disepakati oleh 'ulama dan yang diperselisihkan dalam al-Qur'ān yang berkaitan dengan persoalan lughah, *i'rāb*⁶, *hadhf*⁷, *ithbāt*⁸, *faṣl*⁹, *waṣl*¹⁰ dan sebagainya yang kesemuanya diperolehi melalui periwayatan (Al-Qaṣṭalānī, t.t).

Manakala Mannā' al-Qaṭṭān pula memberikan pengertian *qirā'āt* yang hampir menyamai dengan pendapat yang dikemukakan oleh al-Zarqānī sebelum ini iaitu salah satu mazhab pengucapan al-Qur'ān yang dipilih oleh salah seorang imam *qirā'āt* yang berbeza dengan yang lainnya (Manna' Qaṭṭān, 1996). Al-Suyuṭī berpendapat bahawa *qirā'āt* ialah perbezaan yang berlaku dalam kalangan imam-imam qurrā' yang tujuh atau sepuluh atau selain daripadanya

Ya'qūb Yūsūf bin 'Umar al-Azraq yang mengambil riwayat daripada Warsh daripada Imam Nāfi'. Lihat: *Ibid*.

- ⁶ *I'rāb* bermaksud perubahan akhir kalimah kerana perbezaan beberapa 'āmil (penyebab perbezaan akhir kata) yang memasukinya, baik secara lafaz ataupun secara perkiraan. Contoh perubahan secara lafaz جاء زيد yang bererti: Zayd telah datang dan رأيت زيدا yang bererti: Aku telah melihat Zaid. Manakala contoh secara perkiraan بخشي yang bererti: Dia merasa takut dan لن يخش yang bererti: Dia tidak akan merasa takut. Lihat: Moch. Anwār. (2014). *Ilmu Nahwu Terjemah Matan al-Ajrumiyyah dan 'Imriṭī*. Cet. ke-33. Bandung: Sinar Baru Algensindo. H.11-12.
- ⁷ *Hadhf* bermaksud membuang atau mengurangkan sesuatu. Lihat: Ibn Manzūr. (2000). *Lisān al-'Arab. Op.cit.* Jil.3. H. 65.
- ⁸ *Ithbāt* berasal daripada kata dasar thabata yang membawa maksud menetapkan atau mensabitkan. Lihat: *Ibid*. H. 6.
- ⁹ *Faṣl* bermaksud menceraikan atau memisahkan sesuatu dengan sesuatu. Lihat: al-Fayruzabad. (t.t). *Al-Qāmūs al-Muhīṭ. Op.cit.* H.1054.
- ¹⁰ *Waṣl* bermaksud menyambung sesuatu dengan sesuatu. Lihat: *Ibid*. H.1080.

dan persepakatan pada *ṭurūq* bacaan dan riwayatnya (Al-Sayūfī, 2003).

Setelah meneliti kesemua definisi *qirā'āt* di atas, terdapat tiga perkara yang sering disebutkan dalam definisi yang dikemukakan. Iaitu pertama *qirā'āt* ialah satu ilmu yang membincangkan tentang kaedah melafazkan kalimah-kalimah al-Qur'ān atau bentuk melafazkan (pengucapan) keadaan-keadaannya. Ini termasuk perbezaan *uṣūl al-qirā'āt*¹¹ dan *farsh al-ḥurūf*¹². Kedua, mazhab pengucapan al-Qur'ān dipilih dan dinisbahkan ke atas salah seorang imam qurrā' yang berbeza dengan yang lain. Ketiga, kaedah melafazkan kalimah-kalimah al-Qur'ān diterima melalui kesepakatan jalur periwayatannya.

Hikmah Perbezaan *Qirā'āt*

'Ulama *qirā'āt* telah menggariskan beberapa hikmah yang terhasil dari kepelbagaian bacaan *qirā'āt*. Hikmah tersebut dapat dilihat dari pelbagai sudut dan impak. Sebagai contoh, impak kepelbagaian *qirā'āt* kepada umat Islam secara umumnya ialah memberi kemudahan bagi kaum yang *ummīyy* untuk membaca al-Qur'ān. Dengan turunnya *qirā'āt* yang variasi ini juga memudahkan para *ḥuffāz* menghafaz kalam Allāh kerana kalimah yang mempunyai

¹¹ *Uṣūl* di sini bermaksud *uṣūl* dalam bacaan *qirā'āt* iaitu kaedah-kaedah umum yang berlaku dalam semua surah al-Qur'ān seperti *silah mīm jama'*, *hā ḍamīr* dan *idghām*. Lihat: Sha'bān Muḥammad Ismā'īl. (2011). *Al-Madkhal Ilā 'Ilm al-Qirā'āt*. Mekah: Dār al-Ṭayyibah al-Khaḍrā'. H.50.

¹² *Farsh* bermaksud perbezaan *qirā'āt* yang tidak berlaku di dalam semua surah al-Qur'ān. Lihat: *Ibid.*

banyak wajah akan lebih mudah dihafaz serta lebih senang difahami (Mannā' al-Qaṭṭān, 1996).

Qirā'āt yang beragam juga berperanan sebagai medium penyatu paduan masyarakat 'Arab ketika permulaan dakwah Rasulullah *ṣallallāhu 'alayhi wa sallam* yang terkenal dengan hidup dalam suasana perkauman dan berpuak-puak (Sha'bān, 1999). Kepelbagaian *qirā'āt* dalam al-Qur'ān juga telah meletakkan umat Islam di tempat istimewa berbanding umat-umat yang terdahulu di mana kitab-kitab umat terdahulu hanya diturunkan dengan satu huruf sahaja. Konsep talaqqi yang digunakan dalam penukilan al-Qur'ān juga menunjukkan kelebihan umat Islam berbanding umat dari agama yang lain (Muḥammad Aḥmad, Ahmad Khālid, Muhammad Khālid, 2001).

Hikmah kepelbagaian *qirā'āt* juga dapat dilihat dari sudut peranannya membantu para mujtahid dalam penginsbatan hukum. Sebagaimana yang dikatakan oleh Ibn al-Jazarī bahawa penurunan al-Qur'ān dengan tujuh huruf adalah berperanan untuk menjelaskan sesuatu hukum seperti *qirā'āt* Sa'ad bin Abī Waqāṣ yang menjelaskan bahawa maksud persaudaraan dalam ayat berkaitan permasalahan harta waris ialah saudara (adik beradik) seibu, atau untuk menghimpunkan antara dua hukum yang berbeza seperti dalam permasalahan haid, atau sebagai sumber dalil terhadap dua hukum syariah seperti dalam permasalahan wuduk, atau sebagai pentarjih bagi hukum yang diperselisihkan seperti dalam permasalahan kaffarah sumpah, atau sebagai penjelasan bagi perkara yang mungkin masih global atau samar dalam *qirā'āt* yang lain seperti dalam permasalahan suruhan ṣembahyang Jumaat (Ibn al-Jazarī, 1345H).

***Qirā'āt* Imam al-Shāfi'ī**

Imam al-Shāfi'ī adalah seorang 'ulama yang sangat terkenal dengan keluasan ilmunya dalam bidang fiqh, sehingga penduduk Mesir menyebutnya "Qāḍī al-Sharī'ah" sejak kedatangannya ke Mesir pada tahun 199 H. Secara dasarnya, mazhab al-Shāfi'ī terbentuk dari dua aliran mazhab yaitu mazhab ahl-al-Ḥadīth dan mazhab ahl-al-Ra'yi. Pembentukan mazhab al-Shāfi'ī adalah berdasarkan fiqh Imam al-Layth yaitu salah seorang guru Imam al-Shāfi'ī yang terkenal sebagai 'ulama yang mengambil jalan tengah antara mazhab ahl-al-Ḥadīth dan mazhab ahl-al-Ra'yi ('Abd al-Raḥman, 2000). Dalam bidang *qirā'āt* pula, Imam al-Shāfi'ī merupakan tokoh yang agung di bidang ini. Al-Mubarrad berkata: "Semoga Allah merahmati al-Shāfi'ī, sesungguhnya beliau adalah antara orang yang paling puitis, paling beradab, dan paling mengetahui tentang al-Qur'ān." (Ibnu Hajar: 1986).

Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, dalam pembacaan al-Qur'ān Imam al-Shāfi'ī membaca dengan *qirā'āt* Ibn Kathīr. Al-Rāzī meriwayatkan bahawa Imam al-Shāfi'ī berkata: "Saya pernah membaca al-Qur'ān kepada Ismā'īl bin Qisṭanṭīn dan dia adalah seorang 'ulama kota Mekah pada zamannya, lalu dia (Ismā'īl) berkata: "Saya pernah membaca al-Qur'ān kepada Shibil bin 'Ibād dan Ma'rūf bin Mishkān," lalu mereka (Shibil dan Ma'rūf) berkata: "Kami pernah membaca al-Qur'ān kepada 'Abd Allāh bin Kathīr," lalu dia (Ibn Kathīr) berkata: "Saya pernah membaca al-Qur'ān kepada Mujāhid." Lalu dia (Mujāhid) berkata: "Saya pernah membaca al-Qur'ān kepada Ibn 'Abbās," lalu dia (Ibn 'Abbās) berkata: "Saya pernah membaca al-Qur'ān kepada Ubay bin Ka'ab," lalu

dia (Ubay) berkata: “Saya pernah membaca al-Qur’ān kepada Nabī Muḥammad *ṣallallāhu ‘alayhi wasallam* (Al-Rāzī, 1986). Ibn al-Bādhish dalam al-*Iqnā ‘Fi al-Qirā’āt al-Sab‘a* juga meriwayatkan bahawa Imam al-Shāfi‘ī pernah membaca al-Qur’ān kepada al-Qisṭ, lalu al-Qisṭ pernah membaca al-Qur’ān kepada Shibil, kemudian Shibil pernah membaca al-Qur’ān kepada Ibn Kathīr, lalu Ibn Kathīr pernah membaca al-Qur’ān kepada ‘Abd Allāh bin al-Sā’ib bin Abū al-Sā’ib al-Makhzūmī ṣaḥabat Rasūlullāh *ṣallallāhu ‘alayhi wasallam* (Ibn al-Bādhish, 1403).

Kajian mendapati Imam al-Shāfi‘ī bukan sahaja membaca dengan *qirā’āt* Ibn Kathīr, bahkan beliau juga merupakan salah seorang perawi *qirā’āt* tersebut. Pernyataan ini dibuktikan oleh al-Hudhalī penulis kitab al-Kāmil Fi al-*Qirā’āt*. Menurut al-Hudhalī, beliau (al-Hudhalī) telah mengambil *qirā’āt* Ibn Kathīr daripada salah seorang anak murid Imam al-Shāfi‘ī yang meriwayatkan *qirā’āt* Ibn Kathīr daripada Imam al-Shāfi‘ī iaitu Mūhammad bin ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Ḥakam (Al-Hudhalī, 2007).

“Saya (al-Hudhalī) mengambil *qirā’āt* daripada Abū Muḥammad ‘Abd Allāh bin Muḥammad al-Jablānī Batnīs. Abū Muḥammad ‘Abd Allāh bin Muḥammad al-Jablānī Batnīs berkata: Beliau mengambil *qirā’āt* daripada ‘Abd al-Bāqī bin ‘Ayn al-Fazzāl daripada Muḥammad bin Aḥmad bin Ḥamdān daripada Mūhammad bin ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Ḥakam. Mūhammad bin ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Ḥakam berkata: Diceritakan kepada kami Muḥammad bin Idrīs al-Shāfi‘ī, al-Kazīzī, Sufyān dan Muslim bin Khālīd mengambil *qirā’āt* daripada Ismā‘īl bin ‘Abd Allāh al-Qisṭ daripada Ibn Kathīr.” (Al-Hudhalī, 2007).

HUKUM MENCATAT HUTANG

Firman Allāh *subhānahu wa ta'ālā*:

وَلَا يُضَارَّ كَاتِبٌ وَلَا شَهِيدٌ وَإِنْ تَفَعَّلُوا فَإِنَّهُ فَسُوفُ بِكُمْ وَاتَّقُوا
اللَّهَ وَيُعَلِّمُكُمُ اللَّهُ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

“Dan janganlah mana-mana pencatat dan saksi itu disusahkan (dengan perkara yang tidak patut). Dan kalau kamu melakukan (apa yang dilarang itu) maka sesungguhnya yang demikian ialah suatu kefasikan pada kamu. Oleh itu hendaklah kamu bertakwa kepada Allah. Dan (dengan keterangan ini) Allah mengajar kamu dan Allah Maha Mengetahui tiap-tiap sesuatu.”

(Al-Baqarah, 2: 282).

Keterangan *Qirā'āt* Sepuluh *Qurrā'* Mengenai Ayat Hutang

Di sisi 'ulamā' *qirā'āt*, kalimah وَلَا يُضَارَّ mempunyai tiga wajah *qirā'āt* iaitu: (Ibn Al-Jazarī, 1345H)

- i. *Qirā'āt* yang memfathahkan huruf Rā' dengan Tashdīd وَلَا يُضَارَّ. *Qirā'āt* ini merupakan *Qirā'āt* Nāfi', Ibn 'Āmir, 'Āṣim, Ḥamzah, al-Kisā'ī, dan Khalaf.

- ii. *Qirā'āt* yang mendammahkan huruf Rā' dengan Tashdīd وَلَا يُضَارُّ. *Qirā'āt* ini merupakan *Qirā'āt* Ibn Kathīr, Abū 'Amrū dan Ya'qūb.
- iii. *Qirā'āt* yang mensukūnkan huruf Rā' tanpa Tashdīd وَلَا يُضَارُّ. Ini merupakan *Qirā'āt* Abū Ja'far.

Tawjīh al-Qirā'āt

***Tawjīh al-Qirā'āt* وَلَا يُضَارُّ (Memfathahkan Huruf Rā' dengan Tashdīd)**

Qirā'āt وَلَا يُضَارُّ mengandung dua *tawjīh* berdasarkan kedudukan i'rāb iaitu: (Al-Jassās, 1992)

- i. Apabila *Kātib* dan *Shahīd* berperanan sebagai *Fā'īl*, maka ia bermaksud pencatat hutang dan saksi ditegah mempersulit pemilik hak, seperti pencatat hutang menulis sesuatu yang tidak diarahkan atau saksi menambah dan mengurangi fakta penyaksiannya.
- ii. Apabila *Kātib* dan *Shahīd* berperanan sebagai *Maf'ūl*, maka ia bermaksud pemilik hak ditegah mempersulit atau memaksa pencatat dan saksi.

Menurut Ibn 'Urfah, dalam bahasa Arab dua bentuk *i'rāb* di atas dibolehkan untuk dicantumkan bersama. Dalam makna, lafaz yang *mushtarak* dalam kefahamannya yang sama sebagaimana yang berlaku dalam firman Allāh *subhānahu wa ta'ālā* وَلَا يُضَارُّ كَاتِبٌ وَلَا شَهِيدٌ iaitu kedudukan

i'rāb Kātib dan *Shahīd* (pencatat hutang dan saksi) sebagai *Fā'il* dan *Maf'ūl* dalam waktu yang sama (Ibn 'Urfah, 2008).

Tawjīh al- Qirā'āt وَلَا يُضَارُّ (Mendammahkan Huruf Rā' dengan Tashdīd)

Qirā'āt وَلَا يُضَارُّ bermaksud tidak sepatutnya pencatat hutang dan saksi mempersulit atau memudaratkan pemilik hak. Menurut Ibn 'Aṭīyyah, kalimah وَلَا يُضَارُّ ini berbentuk khabar pada lafaz dan perintah pada makna “الخبر لفظاً والأمر معنى” (Ibn 'Aṭīyyah, 2001). Dalam kitab *Rūḥ al-Ma'ānī* turut menjelaskan bahawa kalimah وَلَا يُضَارُّ bermaksud menafikan berlakunya kesulitan atau kemudāran (نفي وقوع الضرر) ke atas pemilik hak. Bentuk penafian dalam ayat ini bermakna larangan (نفي بمعنى النهي) (Al-Alūsī, t.t)

Hujjah al-Qirā'āt

Hujjah al-Qirā'āt وَلَا يُضَارُّ

Al-Zamakhsharī menjelaskan dalam al-Kashshāf bahawa *Qirā'āt* وَلَا يُضَارُّ adalah pada asalnya merupakan *Fi'l Muḍāri'* *Ṣaḥīḥ Majzūm* وَلَا يُضَارُّ kerana ia didatangi oleh Ḥarf *Jazm* iaitu *Lā al-Nāhiyah*. Dalam kaedah bahasa 'Arab, apabila dua Sukūn bertemu dalam satu kalimah, maka Rā' Sukūn yang kedua diharakatkan dengan *Faṭḥah*. Antara sebab keutamaan diberikan kepada harakat *Faṭḥah*

berbanding harakat Kasrah iaitu harakat yang sepatutnya diberikan mengikut kaedah asal yang ma'rūf adalah kerana keberadaan huruf Alif sebelum huruf Rā' (Al-Zamakhsharī, 1998).

Sementara al-Rāzī dalam tafsir beliau mengatakan bahawa kalimah لَا يُضَارُّ وَلَا يُضَارُّ mempunyai dua pendekatan *i'rāb* dan kedua-duanya benar dari sudut bahasa. Pendekatan *i'rāb* yang pertama ialah لَا يُضَارُّ; difathahkan huruf Rā' yang pertama kerana kedudukan *i'rāb al-Kātib* dan *al-Shahīd* sebagai *Maf'ūl Bihimā*. *Qirā'āt* ini merupakan *qirā'āt* Ibn Mas'ūd (Al-Rāzī, 1981). Dengan makna, kalimah لَا يُضَارُّ bermaksud *Ṣāhib al-Haq* dilarang mempersulit atau membebankan penulis hutang dan saksi.

Maksud kalimah لَا يُضَارُّ bertepatan dengan pendapat yang dikemukakan oleh Mujāhid, al-Dahāk, Ṭāwus dan al-Suddī mengenai maksud firman Allāh *subhānahu wa ta'ālā* وَلَا يُضَارُّ كَاتِبٌ وَلَا شَهِيدٌ iaitu apabila seseorang mendatangi dua orang lainnya lalu meminta agar keduanya mencatat dan bersaksi, tetapi keduanya mengatakan kami sedang ada keperluan. Lalu orang yang berhajat tadi berkata: Sesungguhnya kamu berdua telah diperintahkan untuk memenuhinya. Maka hal ini akan membuat mereka merasa kesulitan. Lalu Allāh *subhānahu wa ta'ālā* melarang perbuatan memaksa pencatat dan saksi tersebut. Dalam satu riwayat yang lain, Ibn 'Abbās, Mujāhid dan 'Aṭā' berpendapat bahawa firman Allāh *subhānahu wa ta'ālā* وَلَا يُضَارُّ كَاتِبٌ وَلَا شَهِيدٌ adalah larangan ke atas orang yang

berhajat memaksa pencatat untuk mencatatkan dan memaksa saksi untuk bersaksi (Al-Shawkānī, 2009).

Manakala pendekatan *i'rāb* yang kedua ialah لا يَضَارُّ; dikasrahkan huruf Rā' yang pertama kerana kedudukan *i'rāb al-Kātib* dan *al-Shahīd* sebagai *Fā'il*. Dengan makna, kalimah لا يَضَارُّ bermaksud penulis hutang dan saksi dilarang mempersulit atau membebaskan *Ṣāhib al-Ḥaq*. *Qirā'āt* ini merupakan *qirā'āt* 'Umar bin al-Khaṭṭāb dan Ibn 'Abbās (Al-Rāzī, 1981). Maksud kalimah لا يَضَارُّ ini selaras dengan pendapat yang diutarakan oleh al-Ḥasan, Qatādah, Ṭāwus, Ibn Zayd mengenai maksud ayat وَلَا يُضَارُّ كَاتِبٌ وَلَا شَهِيدٌ iaitu seorang pencatat tidak boleh mencatat jika tidak ada arahan berbuat demikian. Begitu juga halnya dengan seorang saksi bahawa dia tidak boleh menambah atau mengurangi fakta penyaksiannya. Hal seperti ini boleh mempersulit dan membebaskan *Ṣāhib al-Ḥaq* (Al-Qurtubī, 2002).

Hujjah al-Qirā'āt وَلَا يُضَارُّ

Qurrā' yang membaca dengan وَلَا يُضَارُّ mengatakan bahawa *qirā'āt* tersebut adalah disebabkan oleh kedudukan *i'rābnya* sebagai *Fi'il Muḍāri' Marfū'*. *Qirā'āt* وَلَا يُضَارُّ menepati kaedah naḥwu bahasa Arab iaitu tiap-tiap *Fi'il Muḍāri' Ṣāhib* yang tidak dipengaruhi oleh mana-mana *Ḥarf Naṣb* dan *Jazm*, maka *i'rābnya* tetap *Marfū'* (Qāsim, Muhammad, 2008).

Berdasarkan *tawjīh* dan *ḥujjah qirā'āt* yang dikemukakan di atas, didapati bahawa kedua-dua *qirā'āt* mengandungi maksud perintah supaya pihak pencatat hutang, saksi dan pemilik hak tidak saling menyulitkan sesama mereka. *Khiṭāb* larangan dalam *qirā'āt* وَلَا يُضَارَّ merangkumi dua belah pihak iaitu pihak yang berhajat dan pihak yang dihajati. Sementara *khiṭāb* larangan dalam *qirā'āt* وَلَا يُضَارَّ ditujukan kepada pihak yang dihajati sahaja.

Implikasi *Qirā'āt* al-Qur'ān Imam al-Shāfi'ī وَلَا يُضَارَّ dalam Permasalahan Hukum Mencatat Hutang

Berdasarkan kepada keterangan *tawjīh* kedua-dua wajah *qirā'āt* sebelum ini, analisis mendapati bahawa kedua-duanya mempunyai intipati maksud yang sama iaitu Allāh *subḥānahu wa ta'ālā* memerintahkan supaya pihak pencatat hutang, saksi dan pemilik hak tidak saling menyulitkan sesama mereka. Perbuatan saling menyulitkan sesama manusia adalah dilarang dan tidak dibenarkan dalam Islam. Walaupun demikian, Imam al-Shāfi'ī mempunyai pendapat tersendiri dalam memahami maksud perintah dalam ayat وَلَا يُضَارُّ كَاتِبٌ وَلَا شَهِيدٌ tersebut; adakah pencatatan hutang dan kehadiran saksi itu diwajibkan atau sebaliknya.

Imam al-Shāfi'ī mengatakan bahawa ayat وَلَا يُضَارُّ كَاتِبٌ وَلَا شَهِيدٌ adalah satu ayat perintah yang di dalamnya mengandungi petunjuk.

Pendapat beliau ini bersandarkan kepada firman Allāh *subḥānahu wa ta'ālā*:

فَإِنْ أَمِنَ بَعْضُكُم بَعْضًا فَلْيُؤَدِّ الَّذِي أُؤْتِيَ مِنْ أَمْنَتِهِ وَلِيَتَّقِ اللَّهَ رَبَّهُ

Maksudnya, jika orang yang meminjam tersebut adalah orang yang amanah maka diharuskan untuk tidak mencatat hutang piutang atau menghadirkan saksi dan jaminan (Al-Rāzī, 1997).

Imam al-Shāfi'ī juga telah didapati menggunakan salah satu metodologi pengistinbatan hukum bagi mazhab beliau iaitu kaedah Qiyās dalam permasalahan hukum mencatat hutang ini, kerana beliau telah mengqiyāsakan hukum menjadi saksi dan sebagai pencatat hutang dengan hukum berjihād, mengurus jenazah dan menjawab salām iaitu Farḍ Kifāyah (Al-Shāfi'ī, 2008). Pendapat ini menunjukkan bahawa di sisi Mazhab al-Shāfi'ī dalam hukum bermu'āmalah secara tidak tunai tidak diwajibkan mencatat hutang dan kehadiran saksi. Dalam makna lain, amalan mencatat hutang piutang atau menghadirkan saksi dihukumkan sebagai Farḍ Kifāyah, tetapi jika tidak ada lagi penulis lain selain dia maka hukum penulisan hutang adalah wajib ke atasnya kerana dengan penolakannya itu akan mempersulit pihak pemilik hutang.

al-Kiyā al-Harāsī dalam kitab beliau *Aḥkām al-Qur'ān* turut menjelaskan bahawa jika pencatatan hutang itu diwajibkan atau dihukumkan wajib, maka tidak mungkin diharuskan pembayaran upah terhadap khidmat penulis, sedangkan hukum mengambil upah untuk sesuatu penulisan dokumen atau seumpamanya adalah dibenarkan secara Ijmā' 'ulama (Al-Kiyā, t.t).

Kenyataan Imam al-Shāfi'ī tersebut selaras dengan tawjīh *qirā'āt* Ibn Kathīr sebagaimana yang telah dijelaskan

di atas iaitu *qirā'āt* وَلَا يُضَارُّ bermaksud tidak sepatutnya atau tidak seharusnya pencatat hutang dan saksi mempersulit atau memudaratkan pemilik hak.

KESIMPULAN

Kajian mendapati bahawa meskipun berlaku perbezaan bacaan di antara sepuluh Imam Qurā', namun ia tidak memberi implikasi kepada hukum yang berbeza. Ini adalah kerana tawjih kedua-dua *qirā'āt* tersebut menunjukkan kepada maksud yang sama, walaupun diungkapkan dalam uslub yang berbeza; *qirā'āt* وَلَا يُضَارُّ diungkapkan dengan menggunakan uslub larangan yang tulen, manakala *qirā'āt* وَلَا يُضَارُّ diungkapkan dalam bentuk khabar pada lafaz dan perintah pada makna (الخبرلفظاً والأمر معنى).

Dalam erti kata lain, kedua-dua *qirā'āt* mengandungi maksud perintah supaya pihak pencatat hutang, saksi dan pemilik hak tidak saling menyulitkan sesama mereka. *Khiṭāb* larangan dalam *qirā'āt* وَلَا يُضَارُّ merangkumi kedua-dua belah pihak iaitu pihak yang berhajat dan pihak yang dihajati. Sementara *khiṭāb* larangan dalam *qirā'āt* وَلَا يُضَارُّ ditujukan kepada pihak yang dihajati sahaja.

Kajian turut berpendapat bahawa dalam pengistinbatan hukum mencatat hutang menurut mazhab al-Shāfi'ī adalah bertepatan dengan *qirā'āt* al-Qur'ān Imam al-Shāfi'ī itu sendiri iaitu *qirā'āt* Ibn Kathīr وَلَا يُضَارُّ iaitu tidak sepatutnya atau tidak seharusnya pencatat hutang dan saksi mempersulit atau memudaratkan pemilik hak. Terma “Tidak sepatutnya”

atau “*Tidak seharusnya*” tidak menunjukkan kepada maksud larangan yang tulen. Oleh kerana itu, perbuatan mencatat hutang piutang atau menghadirkan saksi dihukumkan sebagai Farḍ Kifāyah di sisi mazhab beliau. Akan tetapi, jika tidak ada lagi penulis lain selain dia maka hukum penulisan hutang adalah wajib ke atasnya kerana dengan penolakannya itu akan mempersulit pihak pemilik hutang.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Fattāḥ al-Qāḍī. (2002). *Tarīkh al-Qurrā’ al-Asharah*. Kaherah: Maktabah al-Azhariyyah Li al-Turāth.
- Abū al-Ḥasan Aḥmad bin Fāris bin Zakariyā. (1994). *Mu‘jam Maqāyīs al-Lughah*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Abū Bakr al-Rāzī. (1997). *Īdāḥ Mukhtār al-Ṣaḥāḥ*. Damsyik: Dār al-Bashā’ir.
- Abū Shāmah, ‘Abd Raḥman bin Ismā’īl bin Ibrāhīm. (t.t). *Ibrāz al-Ma‘ānī Min Ḥirz al-Amānī*. t.t.p: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Abū Zur‘ah, ‘Abd al-Raḥman bin Muḥammad bin Zanjalah. (2001). *Hujjah al-Qirā’āt*. Beirut: Mu’assasah al-Risālah.
- Al-Alūsī, Shihāb Al-Dīn Maḥmūd bin Abdullah Al-Husaini. (t.t). *Ruḥ Al-Ma‘ānī Fi Tafsīr al-Qur’ān Al-‘Azīm Wa*

Al-Sab‘a Al-Mathānī. Beirut: Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.

Al-Dhahabī, Sham al-Dīn Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Uthmān al-Dhahabī. (1995). *Ma‘rifah al-Qurrā’ al-Kibār ‘Alā al-Ṭabaqāt Wa al-A‘šār*. Peny. Dr. Ṭayyar Ālatī Qūlāj. Istanbul: Markaz al-Buhūth al-Islāmiyyah.

Fayruzabadi, Majduddīn Muḥammad bin Ya‘qūb. (t.t). *Al-Qāmūs al-Muḥīṭ*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Ibnu Hajar, al-‘Asqalni (1986). *Tawāli At-Ta’sis li Ma’āli Muhammad bin Idrin*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Al-Hudhalī, Abu al-Qāsim Yūsuf bin ‘Alī bin Jabbārah bin ‘Uqayl al-Hadhli. (2007). *al-Kāmil Fi al-Qirā’āt wa al-Arba‘īn al-Zā’idah ‘Alayhā*. t.tp: t.np.

Al-Hudhalī, Abu al-Qāsim Yūsuf bin ‘Alī bin Jabbārah bin ‘Uqayl al-Hudhalī. (2007). *al-Kāmil Fi al-Qirā’āt wa al-Arba‘īn al-Zā’idah ‘Alayhā*. t.tp: t.np.

Ibrāhīm Anīs dan ‘Abd al-Ḥalīm Muntaṣar. (t.t). *Al-Mu‘jam al-Wasīṭ*. t.tp: t.np.

Al-Ja’bari, Isa Khairi. (2020). *al-Qirā’āt wa Atharuhā fi Ikhtilāf al-Fuqahā*. Palestin: t.np.

Al-Kiyā al-Harāsī, ‘Imad Al-Dīn bin Muḥammad Al-Ṭabarī. (t.t). *Aḥkām al-Qur’ān*. Beirut: Al-Maktabah Al-‘Ilmiyyah.

Al-Qastalānī, Abū ‘Abbās Aḥmad bin Muḥammad bin Abū Bakr al-Qastalānī. (t.t). *Laṭā'if al-Ishārāt Li Funūn al-Qirā'āt*. Peny. Markaz al-Dirāsāt al-Qur'āniyyah. Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'ūdiyyah: Wizārah al-Shu'ūn al-Islāmiyyah wa al-Awqāf wa al-Da'wah wa al-Irsyād.

Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn al-Rāzī. (1986). *Manāqib al-Imām al-Shāfi'ī*. Mesir: Maktabah al-Kulliyāt al-Azhariyyah.

Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn al-Rāzī. (2015). *Manāqib al-Imām al-Shāfi'ī*. Pent. Andi Muhammad Syahril. Jakarta: Pustaka al-Kautsar.

Al-Rāzī, Fakhr Al-Dīn Al-Rāzī bin Al-'Allāmah Ḍiyā' Al-Dīn 'Umar. (1981). *Tafsīr Al-Fakhr Al-Rāzī*. Beirut: Dār Al-Fikr.

Al-Sayūṭī, Jalāl al-Dīn 'Abd al-Raḥmān bin Abū Bakr al-Sayūṭī (2003). *Al-Itqān Fī 'Ulūm al-Qur'ān*. Beirut: Dār al-Fikr.

Al-Shāfi'ī, Muḥammad bin Idrīs. (2006). *Tafsīr Imam al-Shāfi'ī*. Riyadh: Dār al-Tadmuriyyah.

Al-Shāfi'ī. (2008). *Tafsīr Al-Imām Al-Shāfi'ī*. Peny. Aḥmad bin Muṣṭafā Al-Farrān. Pent. Ali Sultan. Fedrian Hasmand. Jakarta: Almahira.

Al-Shawkānī, Muḥammad bin 'Aliyy bin Muḥammad. (2009). *Tafsīr Faḥ Al-Qadīr*. Pent. Amir Hamzah Fachruddin. Asep Saefullah. Jakarta: Pustaka Azzam.

- Al-Zamakhsharī, Abu Al-Qāsim Maḥmūd bin ‘Umar. (1998). *Al-Kashshāf*. Riyadh: Maktabat Al-‘Abikān.
- Al-Zarkashī, Badruddīn Muḥammad bin ‘Abdillāh al-Zarkashī. (2001). *Al-Burhān Fī ‘Ulūm al-Qur’ān*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Zarqānī, Muḥammad ‘Abd al-‘Azīm al-Zarqānī. (2003). *Manāhil al-‘Irfān fī ‘Ulūm Al-Qur’ān*. Kaherah: Dār al-Salām.
- Fakhruddin Al-Rāzī. (2017). *Manāqib Al-Imam Al-Shāfi‘ī*. Pent. Andi Muhammad Syahril. Jakarta: Pustaka al-Kauthar.
- Ibn ‘Aṭiyyah, Abū Muḥammad ‘Abd al-Ḥaḡ bin Ghālīb bin ‘Aṭiyyah al-Andalusī. (t.t). *Al-Muḥarrar al-Wajīz Fī Tafsīr al-Kitāb al-‘Azīz*. t.tp: Dār Ḥazam.
- Ibn ‘Urfah, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Muḥammad bin ‘Urfah. (2008). *Tafsīr Ibn ‘Urfah*. Peny. Jalāl Al-Suyūfī. Beirut: Dār Al-Kutub Al-‘Ilmiyyah.
- Ibn al-Bādhish, Abū Ja‘far Aḥmad bin ‘Alī bin Aḥmad bin Khalaf al-Anṣārī. (1403H). *Al-Iqnā‘ Fī al-Qirā‘āt al-Sab‘a*. Damsyik. Dār al-Fikr.
- Ibn al-Jazarī, Abu al-Khayr Muḥammad bin Muḥammad al-Dimashqī. (1345H). *Al-Nashr Fī al-Qirā‘āt al-‘Ashr*. Dimashq: Maṭba‘ah al-Tawfīq.
- Ibn al-Jazarī, Abū al-Khayr Sham al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad bin ‘Alī bin Yūsūf al-

Jazarī. (1980). *Munjid al-uqri'īn wa Murshid al-Tālibīn*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Ibn Manzūr, Abū al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Mukram bin Manzūr. (2000). *Lisān al-'Arab*. Beirut: Dār Ṣādir.

Manna' al-Qaṭṭān (1996). *Mabāḥiṭh Fī al-'Ulūm al-Qur'ān*. Riyadh: Maktabat al-Ma'ārif.

Moch. Anwār. (2014). *Ilmu Nahwu Terjemah Matan al-Ajrumiyyah dan 'Imriḥ*. Cet. ke-33. Bandung: Sinar Baru Algensindo.

Muḥammad Aḥmad Muflīḥ al-Quḍāh. Aḥmad Khālīd Shukrī. Muḥammad Khālīd Mansūr. (2001). *Muqaddimāt Fī 'Ilm al-Qirā'āt*. Jordan: Dār 'Ammār.

Mukhlas Asy-Syarkani. (2002). *Cara Belajar Bahasa Arab Nahu*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah.

Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya. (2014). Brunei: Jabatan Percetakan Kerajaan.

Nabīl bin Muḥammad bin Ibrāhīm. (2000). 'Ilm al-Qirā'āt Nash'atuhu Aṭwāruhu Atharuhu Fī al-'Ulūm al-Shar'īyyah. Riyadh: Maktabah al-Tawbah.

Qāsim Aḥmad Al-Dajwī. Muḥammad Ṣādiq Qamḥāwī. (2008). *Qalā'id Al-Fikr Fī Tawjīh Al-Qirā'āt*. Kaherah: Dār Al-Sa'ādah.

Sha'bān Muḥammad Ismā'īl. (1999). *Al-Qirā'āt Ahkāmuhā wa Maṣdaruhā*. Mekah: Dār al-Ṭayyibah al-Khaḍrā'.

Sabri Muhammad. (2016). *Pengaruh Ilmu Qirā'āt dalam Pengajian Islam*. Jurnal al-Turath. <http://spaj.ukm.my/jalturath>.

Sha'bān Muḥammad Ismā'īl. (2011). *Al-Madkhal Ilā 'Ilm al-Qirā'āt*. Mekah: Dār al-Ṭayyibah al-Khaḍrā'.

***Qirā'āt* Imam Al-Shāfi'ī dan Kesannya
Terhadap Penafsiran Ayat-Ayat Hukum:
Kajian Pada Ayat 282 Surah Al-Baqarah**

*Hajah Siti Jariah @ Hajah Aleya
Fatehah Haji Japar et.al*